

Soalan No:15

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JOSEPH SALANG GANDUM [JULAU]**

**TARIKH : 20.11.2017**

**SOALAN :**

**Datuk Joseph Salang Gandum [Julau]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa sekolah dan klinik di luar bandar tidak berkongsi kemudahan asas yang disediakan oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menerusi Inisiatif *My New School*, pihak sekolah digalakkan menjalin hubungan kerjasama melalui strategi lautan biru kebangsaan (NBOS) dengan agensi atau kementerian yang berhampiran termasuklah Kementerian Kesihatan Malaysia. NBOS ini dilaksanakan bagi membantu sekolah-sekolah terutama di luar bandar menyediakan prasarana yang diperlukan bagi memastikan sekolah dijadikan sebagai hab komuniti untuk memberi kemudahan perkhidmatan yang sesuai dan diperlukan oleh masyarakat sekitarnya.